

PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN BELIA MUALAF TERHADAP TANGGUNGJAWAB KEPADA IBUBAPA BUKAN MUSLIM DI SABAH

SARIP ADUL, HASNAN KASAN & AMIR HUSIN MOHD NOR

ABSTRAK

Artikel ini merupakan kajian terhadap kefahaman, sikap dan amalan mualaf mengenai satu isu fiqh iaitu hukum memberi nafkah kepada ibubapa non-Muslim. Persoalan yang diketengahkan ialah sejauh manakah kefahaman, sikap dan amalan belia mualaf di Sabah ketika berhadapan dengan isu fiqh terhadap isu fiqh tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui pandangan sarjana Islam berkaitan hukum memberi nafkah kepada ibubapa non-Muslim; mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap dan amalan belia mualaf berkaitan isu fiqh tersebut; juga korelasi dan regresi antara pengetahuan, sikap dan amalan belia mualaf dalam berhadapan dengan permasalahan tersebut. Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah soal selidik. Data kajian dianalisis menggunakan pakej Statistik SPSS versi 21. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan ujian-ujian statistik parametrik iaitu ujian diskriptif, korelasi Spearman Rho dan regresi berganda. Kajian ini mendapati tahap kefahaman belia mualaf terhadap hukum memberi nafkah kepada ibubapa non-Muslim adalah tinggi. Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan, sikap dan amalan mereka. Pengaruh sikap terhadap amalan mualaf lebih tinggi berbanding pengaruh pengetahuan terhadap amalan.

Kata Kunci: *Belia, Mualaf, Nafkah, Non-Muslim, Kuantitatif*

ABSTRACT

This article focuses on the understanding, attitudes and practices of converts regarding fiqh issue on the law of maintenance provision to non-Muslim parents. The question highlighted was on the understanding, attitudes and practices of the young converts in Sabah when dealing with the fiqh issue. This study is intended to investigate the perspectives of Islamic scholars regarding the law of maintenance provision to non-Muslim parents; to identify the level of knowledge, attitudes and practices of the youth converts on issue of fiqh; and the correlation and regression between knowledge, attitudes and practices of these youth converts while dealing with the issue. This quantitative study employed questionnaire for data collection method. Data were analyzed using SPSS statistical package version 21. The data obtained were analyzed descriptively while the inference uses parametric statistical tests, namely descriptive test, Spearman Rho correlation and multiple regressions. This study has found that the level of understanding of youth converts to the law of maintenance provision to non-Muslim parents is relatively high. There is a significant relationship between knowledge, attitudes and their practices. The influence of attitudes towards the converts' practices is higher than the influence of

knowledge towards the practices.

Keywords: Young, Convert, Maintenance provision, Non-Muslim, Quantitative

PENDAHULUAN

Ada pendapat menyebut bahawa agama Islam dipercayai sampai ke beberapa kawasan berhampiran Sabah kira-kira abad ke-10, manakala pendapat lain menyebut sekurang-kurang pada abad ke-11 dan ke-12. Namun sumber yang dapat diterima menunjukkan Islam hanya mula diterima penduduk tempatan Sabah pada abad ke-15 dengan wujudnya manuskrip asal bertulisan Jawi dalam bahasa Idahan di Lahad Datu yang bertarikh 1408M. Sejak itu Islamlah yang membentuk sejarah kebangunan dan tamadun umat di Sabah.

Perkembangan Islam semakin rancak ketika pemerintahan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu yang mana kedua-dua kerajaan tersebut adalah pemilik awal bumi Sabah. Kedua-dua kerajaan ini pula merupakan sebahagian daripada rangkaian kerajaan-kerajaan Islam yang wujud di Kepulauan Melayu.

Gerakan pengislaman besar-besaran berlaku pada tahun 1970an yang dipelopori oleh USIA (*United Sabah Islamic Association*). USIA bukan sekadar berperanan mengerakkan dakwah kepada bukan Islam, ia juga menyumbang secara khusus kepada penubuhan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) pada 15 September 1971, pembinaan sekolah-sekolah agama, pertambahan jumlah masjid dan surau, mewujudkan perkampungan baru Islam khususnya di kawasan pedalaman.

Dakwah dan pengislaman di Sabah tidak pernah berhenti. MUIS dan agensinya JHEAINS (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah) telah meneruskan usaha tersebut di samping NGO Islam yang lain yang terlibat secara langsung dengan dakwah di Sabah. Menurut sumber dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, antara tahun 2000 hingga 2009 sahaja seramai 18,491 orang bukan Islam telah memeluk agama Islam di Sabah dan sebahagian besarnya ialah di kawasan Pantai Barat iaitu seramai 8514. Jadual 1 menunjukkan perincian bagi setiap bahagian.

Jadual 1: Data Pengislaman Di Negeri Sabah dari Tahun 2000 hingga 2009

Bil	Bahagian	Bandar	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	Jumlah
1	Kudat	Kudat	20	27	40	43	42	8	39	48	79	45	391
		Kota Marudu	0	0	24	0	0	102	66	61	146	105	504
		Pitas	10	0	14	25	23	23	19	20	33	27	194
		Matunggong	7	9	0	22	14	21	16	42	14	11	156
		Banggi	0	0	0	4	0	0	5	0	13	22	44
JUMLAH													1289
2	Pantai Barat	Kota Kinabalu	406	475	398	534	555	708	589	447	689	762	5563
		Ranau	66	73	68	91	94	107	114	128	191	136	1068
		Tuaran	52	78	25	73	66	0	78	79	97	103	651
		Papar	33	38	34	64	58	48	60	48	46	47	476
		Kota Belud	51	63	24	52	59	73	0	39	130	83	574
JUMLAH													8514
3	Pedalaman	Keningau	141	176	131	112	182	210	188	167	231	193	1731
		Nabawan	18	28	21	36	0	0	68	10	25	50	256
		Beaufort	69	56	95	96	48	49	47	46	89	75	670
		Tambunan	14	16	8	14	25	17	25	11	32	31	193
		Sook	23	17	11	7	0	0	15	22	0	4	99
		Kuala Penyu	10	4	0	13	7	5	8	11	7	7	72
		Tenom	23	33	20	11	31	36	54	41	94	39	382
		Sipitang	20	17	3	29	28	19	20	24	20	38	218
		Membakut	21	7	5	19	13	13	15	37	16	19	165
JUMLAH													3801
4	Sandakan	Sandakan	154	121	52	124	147	181	155	117	182	181	1414
		Beluran	0	0	16	54	79	47	153	266	96	106	817
		Kinabatangan	0	0	0	0	20	17	18	21	40	39	155
		Telupid	0	0	12	13	0	10	12	18	39	14	118
JUMLAH													2504
5	Tawau	Tawau	96	0	116	138	145	117	120	97	170	132	1131
		Lahad Datu	59	95	55	112	89	127	97	80	110	85	909
		Kunak	21	24	20	13	14	15	16	11	20	15	169
		Tungku	0	0	0	0	0	0	1	0	8	0	9
		Semporna	0	0	34	0	14	27	20	17	30	23	165
JUMLAH													2383
Jumlah seluruh negeri			1316	1365	1232	1713	1778	2007	2040	1932	2693	2415	18491

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Sebahagian besar Mualaf yang memeluk Islam adalah belia yang masih berinteraksi dengan ibubapa *non-Muslim* sama ada dalam bentuk tinggal bersama atau menziarahi mereka sekali sekala. Perbuatan tersebut bertepatan dengan ajaran Islam yang memerintahkan penganutnya berbuat baik dengan ibubapa dan ahli keluarga yang bukan beragama Islam. Imam al-Nawawi menegaskan bahawa orang Islam dibenarkan menziarahi perkuburan ahli keluarganya *non-Muslim* setelah mereka meninggal dunia maka menziarahi mereka ketika masih hidup adalah lebih perlu .

PENYATAAN MASALAH

Ibubapa dalam semua tamadun merupakan insan mulia dan jasa mereka perlu dihargai sepanjang masa. Walaupun pada peringkat awal kelahiran seorang anak secara automatik mengikuti agama ibubapanya, namun tabiat manusia yang suka belajar dan menerokai pelbagai corak kehidupan dan pemikiran berpotensi mengubah kepercayaan mereka. Sebahagian anak-anak tersebut telah menukar agama yang mereka anuti ketika lahir kepada agama Islam kerana pelbagai faktor. Antaranya kesedaran sendiri atau faktor perkahwinan dengan pasangan beragama Islam.

Persoalannya sejauhmanakah anak-anak yang memeluk agama Islam atau diistilahkan sebagai mualaf masih menunaikan tanggungjawab mereka sebagai anak terhadap ibubapa mereka yang *non-Muslim*? Adakah anak-anak yang telah mereka besarkan dan diberi pendidikan sempurna berubah sikap dalam menunaikan kewajipan tersebut setelah memeluk agama Islam? Sejauh manakah anak-anak tersebut telah melaksanakan tanggungjawab dalam bentuk amalan? Ketiga-tiga persoalan tersebut akan terjawab dalam kajian ini yang secara khusus menyentuh aspek pengetahuan, sikap dan amalan belia mualaf dalam melaksanakan kewajipan memberi nafkah kepada kedua ibubapa *non-Muslim*.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1) Mengetahui pandangan sarjana Islam berkaitan memberi nafkah kepada ibubapa *non-Muslim*.
- 2) Menilai pengetahuan belia mualaf berkaitan hukum memberi nafkah kepada ibubapa *non-Muslim*.
- 3) Menilai sikap belia mualaf berkaitan dengan kewajipan memberi nafkah kepada ibubapa *non-Muslim*.
- 4) Menilai amalan mualaf berkaitan dengan kewajipan memberi nafkah kepada ibubapa *non-Muslim*.

SOROTAN LITERATUR

Menghormati dan mengasihi ibubapa merupakan tuntutan kemanusiaan sebelum tuntutan keagamaan. Confucius menyebut dalam Lun Yu: “Taat setia (xiao) pada ibubapa dan menghormati serta mencintai saudara yang tua (di) adalah dua jenis budi dan juga merupakan asas konsep perikemanusiaan (ren)”.

Ajaran agama Kristian juga berangapan bahawa anak-anak wajib berbuat baik dengan ibubapa mereka. Dalam Bible (Efesus 6: 2-3) menyebut: “Hormatilah ibu bapamu” adalah perintah pertama daripada Tuhan yang disertai janji: “supaya kamu hidup bahagia dan berumur panjang di bumi”. Kebaikan tersebut menurut ajaran Kristian menatijahkan kehidupan bahagia dan umur panjang.

Ajaran Islam juga menekankan kewajipan anak-anak berbuat baik dengan ibubapa yang melahir dan membesarkan mereka. Allah SWT berfirman:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغُنَّ عَنْكَ الْكِبَرَ ۖ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ۖ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha” dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).” (Surah Al Isra’: 23).

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفَصَّالَهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ

“Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).” (Surah Luqman : 14).

Apabila seorang anak yang asalnya bukan beragama Islam memeluk Islam, hubungan keagamaan terputus antara seorang mualaf dengan ibubapa *non-Muslim*. Namun, masih kekal hubungan kemanusiaan yang mewajibkan seorang anak berbuat baik dan menjaga ibubapa mereka walaupun tidak lagi seagama. Oleh kerana itulah Allah SWT memerintahkan seorang anak terus berbuat baik dengan ibubapanya walaupun berlainan agama dalam semua aspek keduniaan. Firman Allah SWT:

وَأِنْ جَاهِدَاكَ عَلَى أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبُهَا فِي الدُّنْيَا
مَعْرُوفًا^٧

“Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganku sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik”.

Termasuk dalam maksud berbuat baik dengan ibubapa atau ahli keluarga *non-Muslim* ialah memberi nafkah kepada mereka yang memerlukan dan fuqaha berbeza pandangan mengenai hukum memberi nafkah kepada ahli keluarga *non-Muslim*.

Pandangan pertama:

Wajib memberi nafkah kepada ibubapa dan ahli keluarga *non-Muslim*. Ini merupakan pandangan jumhur fuqaha dalam kalangan yang bermazhab Hanafi, Maliki dan Syafie dan menurut mereka persamaan agama bukanlah syarat dalam kewajipan memberi nafkah kepada ahli keluarga yang dihubungkan oleh ikatan kelahiran. Justeru wajib memberi nafkah kepada anak-anak dan ibubapa, walaupun berbeza agama antara pemberi dan penerima .

Pendapat kedua:

Tidak wajib memberi nafkah kepada ibubapa dan ahli keluarga yang tidak seagama. Ini merupakan pandangan fuqaha mazhab Hanbali. Menurut mereka orang yang layak menerima nafkah ialah mereka yang layak menerima pusaka. Berlainan agama menjadi penghalang menerima pusaka maka ia juga sepatutnya menjadi penghalang menerima nafkah.

Mazhab Hanbali yang tidak mewajibkan pemberian nafkah kepada ahli keluarga *non-Muslim* sebenarnya tidak melarang orang Islam berbuat demikian kerana mereka mengharuskan pemberian sedekah kepada bukan Islam termasuklah mereka yang ada hubungan kekeluargaan.

Kesimpulan:

Semua fuqaha berpandangan seorang Muslim boleh memberi nafkah kepada ahli keluarga bukan Islam, bahkan jumhur fuqaha berpendapat hukumnya adalah wajib.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan yang melibatkan kaedah kajian tinjauan menggunakan soal selidik. Chua (2006) menjelaskan bahawa kajian tinjauan sesuai dijalankan oleh pengkaji yang ingin mengetahui untuk mengukur pengetahuan, sikap, tingkah laku, pendapat dan persepsi daripada kumpulan subjek yang besar seperti

belia mualaf. Instrumen kajian dibina berdasarkan sorotan literatur. Hasil dapatan analisis mengenai kebolehpercayaan menunjukkan instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan pekali kebolehpercayaan alfa Cronbach ialah 0.865. Menurut Chua (2006), nilai alfa antara 0.65 hingga 0.95 menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang memuaskan.

Kajian menggunakan pemilihan sampel secara rawak. Sampel adalah kalangan belia mualaf yang berumur 18 tahun hingga 35 tahun yang mengikuti pengajian di kelas-kelas bimbingan agama anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah sekitar Bahagian Pantai Barat Sabah. Bahagian Pantai Barat Sabah terbentuk oleh beberapa daerah iaitu Kota Kinabalu, Tuaran, Tamparuli, Papar, Ranau, Kudat, Matunggong, Pitas dan Kota Marudu. Sebanyak 300 borang kaji selidik telah diedarkan kepada responden dan setelah diproses dan dibuat pembersihan data dengan menggunakan program SPSS versi 21, jumlah soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah sebanyak 283 sahaja. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan ujian-ujian statistik parametrik iaitu ujian deskriptif, korelasi Spearman Rho dan regresi berganda.

Responden perlu menjawab soalan yang diberikan ikut skala yang ditetapkan. Untuk soalan pengetahuan, cuma tiga skala dijadikan sebagai pengukur kefahaman iaitu ya, tidak pasti dan tidak. Untuk soalan sikap dan amalan, lima skala dijadikan sebagai pengukur iaitu sangat tidak setuju, kurang setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

LAPORAN KAJIAN KUANTITATIF

Laporan Demografi Responden

Responden yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada mualaf sekitar bahagian pantai barat utara dan selatan negeri Sabah. Daripada keseluruhan borang soal selidik yang diedarkan hanya 283 borang kaji selidik sahaja sesuai untuk diproses dan digunakan dalam kajian ini. Beberapa demografi responden telah diambil dan sebahagiannya akan digunakan sebagai variabel bebas untuk diukur dalam kajian ini. Kajian menunjukkan responden perempuan lebih ramai terlibat daripada responden lelaki, di mana seramai 214 orang (75.6 peratus) adalah responden perempuan dan 69 orang (24.4 peratus) adalah responden lelaki.

Berdasarkan pendidikan pula, majoriti responden pula sekadar bersekolah hingga peringkat menengah sahaja iaitu seramai 196 orang (69.3 peratus). Responden yang bersekolah rendah pulak ialah seramai 45 orang (15.9 peratus), peringkat universiti seramai 31 orang (11 peratus) dan selebihnya tidak bersekolah iaitu seramai 11 orang (3.9 peratus). Pendapatan bulanan responden pula seramai 157 orang (55.5 peratus) berpendapatan RM540 sebulan atau kurang. seramai 76 orang (26.9 peratus) berpendapatan dalam lingkungan RM541-RM940. Seramai 46 orang (16.3 peratus) berpendapatan dalam lingkungan RM941-RM3000 dan empat orang (1.4 peratus) berpendapatan sebanyak RM3001 atau lebih.

Berdasarkan kekerapan menghadiri kelas bimbingan agama di masjid, pusat mualaf, atau seumpamanya pula menunjukkan 16 orang (5.7 peratus) hadir setiap hari, 222 orang (78.4 peratus) hadir sekali seminggu, 15 orang (5.3 peratus) hadir sekali sebulan dan 30 orang (10.6 peratus) belum pernah hadir ke mana-mana kelas bimbingan.

ANALISA KAJIAN

Kefahaman belia mualaf terhadap kewajipan memberi nafkah kepada ibubapa non Muslim

Jadual 2 menunjukkan jawapan mualaf kepada soalan: Anak yang beragama Islam wajib memberi nafkah kepada ibubapanya yang bukan beragama Islam. Majoriti responden iaitu 70.7 peratus menjawab 'ya' dan 6.7 peratus menjawab 'tidak' dan bakinya 22.6 peratus menjawab 'tidak pasti'.

Jadual 2: Kefahaman Responden terhadap Kewajipan Memberi Nafkah kepada Ibubapa Non-Muslim

Anak yang beragama Islam wajib memberi nafkah kepada ibubapanya yang bukan beragama Islam			
		Kekerapan	Peratusan
Pilihan Jawapan	Ya	200	70.7
	Tidak pasti	64	22.6
	Tidak	19	6.7
	Total	283	100.0

Sikap belia mualaf terhadap kewajipan memberi nafkah kepada ibubapa non-Muslim

Jadual 3 menunjukkan respon belia mualaf terhadap soalan kajian berkaitan dengan sikap: Setelah memeluk Islam, sayarasa lebih bertanggungjawab memberi nafkah kepada ibubapa saya yang *non-Muslim*. Analisis kajian menunjukkan 1.4 peratus sangat tidak setuju, 3.2 peratus tidak setuju, 17.3 peratus tidak pasti, 51.9 peratus setuju dan 26.1 peratus sangat setuju.

Jadual 3: Sikap Belia Mualaf terhadap Kewajipan Memberi Nafkah kepada Ibubapa Non-Muslim

Setelah memeluk Islam, saya rasa lebih bertanggung jawab memberi nafkah kepada ibubapa saya yang bukan Islam			
		Kekerapan	Peratusan
Pilihan Jawapan	Sangat tidak setuju	4	1.4
	Tidak setuju	9	3.2
	Tidak pasti	49	17.3

	Setuju	147	51.9
	Sangat setuju	74	26.1
	Total	283	100.0

Amalan belia mualaf berkaitan kewajipan memberi nafkah kepada ibubapa non-Muslim

Jadual 4 menunjukkan respon belia mualaf berkaitan dengan amalan mereka terhadap kewajipan sebagai seorang anak dalam memberi nafkah kepada ibubapa mereka yang *non-Muslim*. Analisis kajian menunjukkan 0.7 peratus sangat tidak setuju, 3.2 peratus tidak setuju, 14.1 peratus tidak pasti, 61.1 peratus setuju, 20.8 peratus sangat setuju.

Jadual 4: Amalan Belia Mualaf berkaitan Kewajipan Memberi Nafkah kepada ibubapa *non-Muslim*

Saya memberi bantuan kewangan setiap bulan kepada ibubapa saya yang bukan Islam			
		Kekerapan	Peratusan
Pilihan Jawapan	Sangat tidak setuju	2	.7
	Tidak setuju	9	3.2
	Tidak pasti	40	14.1
	Setuju	173	61.1
	Sangat setuju	59	20.8
	Total	283	100.0

Korelasi Antara Pengetahuan, Sikap dan Amalan Belia Mualaf Berkaitan Kewajipan Memberi Nafkah Kepada Ibubapa Non-Muslim

Jadual 5 menunjukkan korelasi antara pengetahuan dengan sikap, pengetahuan dengan amalan dan sikap dengan amalan belia mualaf berkaitan kewajipan memberi nafkah kepada ibubapa *non-Muslim* menggunakan pengkali korelasi Spearman Rho pada aras kesignifikanan 0.05. Analisis menunjukkan korelasi dari semua sudut adalah signifikan di mana $p < 0.05$. Ini bererti wujud hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan sikap, pengetahuan dengan amalan dan sikap dengan amalan belia mualaf berkaitan kewajipan mereka memberi nafkah kepada ibubapa mereka yang *non-Muslim*.

Jadual 5: Korelasi antara Pengetahuan dengan Sikap, Pengetahuan dengan Amalan dan Sikap dengan Amalan

			Anak yang beragama Islam wajib memberi nafkah kepada i b u b a p a n y a yang bukan b e r a g a m a Islam.	Setelah masuk Islam, saya rasa lebih bertanggung jawab memberi nafkah kepada ibubapa saya yang bukan Islam.	Saya memberi b a n t u a n kewangan setiap bulan kepada ibubapa saya yang bukan Islam.
Spearman's rho	Anak yang beragama Islam wajib memberi nafkah kepada i b u b a p a n y a yang bukan beragama Islam.	Pekali Korelasi	1.000	-.253**	-.214**
		Sig. (2-tailed)	.	.000	.000
		N	283	283	283

** . Korelasi adalah signifikan pada 0.01 level (2-tailed).

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Aspek Pengetahuan

Dapatan kajian terhadap pengetahuan belia mualaf mengenai kewajipan memberi nafkah kepada ibubapa *non-Muslim* menunjukkan majoriti mereka telah memberikan jawapan yang bertepatan dengan pandangan majoriti fuqaha iaitu anak-anak yang beragama Islam wajib memberi nafkah kepada ibubapa mereka yang non-Muslim. Perbezaan agama antara anak dan ibubapanya tidak menggugurkan tanggungjawab tersebut. Apabila Islam mengklasifikasikan hukum memberi nafkah kepada ibubapa bukan Islam sebagai wajib maka ia mesti dilakukan. Sesiapa yang melakukannya akan memperoleh pahala dan meninggalkannya menyebabkan ia berhak memperoleh dosa.

Aspek Sikap

Dapatan kajian menunjukkan majoriti belia mualaf mereka merasa lebih bertanggungjawab untuk memberi nafkah kepada ibubapa mereka yang non-Muslim setelah memeluk Islam. Kesedaran ini terhasil daripada pengetahuan mereka mengenai kewajipan memberi nafkah kepada ibubapa non-Muslim yang mereka pelajari dari kelas-kelas bimbingan agama. Kajian demografi menunjukkan majoriti reaponden menghadirkan diri ke kelas bimbingan agama yang diadakan di masjid, pusat-pusat bimbingan mualaf atau seumpamanya, bagi yang tidak pernah hadir ke kelas-kelas bimbingan, mereka mampu memperoleh pengetahuan melalui pembacaan sendiri. Buku-buku dan artikel berkaitan tanggungjawab terhadap

ibubapa mudah didapati di perpustakaan, kedai-kedai buku atau atas talian.

Dapatan kajian terhadap sikap belia mualaf yang diperoleh dalam penyelidikan ini boleh dijadikan bukti bagi menolak tanggapan sesetengah orang yang berpandangan masuk Islam akan memutuskan hubungan kekeluargaan antara Muslim dengan *non-Muslim*. Anak-anak akan mengabaikan ibubapanya dan membiarkan mereka hidup bersendirian. Tanggapan tersebut salah dan bertentangan dengan ajaran agama Islam yang sebenar.

Aspek Amalan

Dapatan Kajian menunjukkan majoriti belia mualaf bersetuju bahawa mereka memberi nafkah kepada ibubapa mereka yang *non-Muslim*. Amalan sebegini sangat murni menurut pandangan Islam dan termasuk dalam kategori berbuat baik dengan kedua ibubapa yang menjadi satu kewajipan seorang anak. Firman Allah SWT:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ بِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أَفْ وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا^{viii}

Maksudnya: “dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Hah”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)”.

Korelasi Variabel Pengetahuan, Variabel sikap dan Variabel amalan

Dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara semua variabel pengetahuan, sikap dan amalan dari semua arah. Ini membuktikan pengetahuan belia mualaf berkaitan dengan kewajipan memberi nafkah kepada ibubapa *non-Muslim* mempengaruhi sikap dan amalan mereka begitu juga sikap mereka mempengaruhi amalan dan pengetahuan.

Memandangkan amalan adalah kesan dari pengetahuan dan sikap, bahkan matlamat sebenar perintah Allah SWT dalam keajipan memberi nafkah kepada ibubapa *non-Muslim*, kajian regresi perlu dijalankan bagi menentukan mana satu antara pengetahuan dan sikap yang paling berpengaruh terhadap amalan.

Jadual 6 menunjukkan keputusan analisis data regresi penyelidikan menggunakan Prosedur Penyelesaian Stepwise dimana dua variabel peramal,

iaitu pengetahuan dan sikap merupakan peramal bagi amalan (variabel kriterion). Secara signifikan, Kombinasi variabel peramal iaitu Pengetahuan dan Sikap telah menyumbang 13.2 peratus varians ($R^2=.132$) pada Amalan. Sikap merupakan variabel peramal utama dimana ia telah menyumbang sebanyak 10.1 peratus varians ($R^2=.101$) dalam skor Amalan. Pengetahuan cuma menambah ($13.2 \text{ peratus} - 10.1 \text{ peratus}$) = 3.1 peratus kepada Amalan. Ini bererti Sikap merupakan petunjuk utama yang menentukan Amalan.

Jadual 6: Regresi Amalan dengan Pengetahuan dan Sikap

Variabel dimasukkan/dikeluarkan ^a			
Model	Variabel dimasukkan	Variabel dikeluarkan	Metode
1	Setelah masuk Islam, saya rasa lebih bertanggung jawab memberi nafkah kepada ibubapa saya yang bukan Islam.	.	<i>Stepwise (Criteria: Probability-of-F-to-enter $\leq .050$, Probability-of-F-to-remove $\geq .100$).</i>
2	Anak yang beragama Islam wajib memberi nafkah kepada ibubapanya yang bukan beragama Islam.	.	<i>Stepwise (Criteria: Probability-of-F-to-enter $\leq .050$, Probability-of-F-to-remove $\geq .100$).</i>
a. Variabel Bersandar: Saya memberi bantuan kewangan setiap bulan kepada ibubapa saya yang bukan Islam.			

Ringkasan Model				
Model	R	R^2	Penyesuaian R^2	<i>Std. Error of the Estimate</i>
1	.318a	.101	.098	.69937
2	.363b	.132	.125	.68863
a. Peramal: (Pemalar), Setelah masuk Islam, saya rasa lebih bertanggung jawab memberi nafkah kepada ibubapa saya yang bukan Islam.				
b. Peramal: (Pemalar), Setelah masuk Islam, saya rasa lebih bertanggung jawab memberi nafkah kepada ibubapa saya yang bukan Islam., Anak yang beragama Islam wajib memberi nafkah kepada ibubapanya yang bukan beragama Islam.				

Dapatan ujian regresi ini menunjukkan bahawa dalam usaha melahirkan belia mualaf yang bertanggungjawab dan melaksanakan kewajibannya memberi nafkah kepada ibubapa non-muslim, aspek pembinaan sikap positif perlu ditekankan mengatasi aspek penyampaian ilmu dan maklumat. Memperbetulkan sikap bagi memperbetulkan tindakan dan amalan merupakan metode perubahan diri yang ditekankan oleh al-Quran. Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

Metod ini boleh dilaksanakan dalam program yang berobjektifkan mewujudkan kesedaran dan perubahan belia muallaf yang tidak melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan sengaja. Terdapat 3.9 peratus belia muallaf dalam kajian ini menyatakan mereka sangat tidak setuju dan kurang setuju bahawa mereka pernah memberi nafkah kepada ibubapa *non-Muslim*, 14.1 peratus pula tidak pasti pernah berbuat demikian. Ada kemungkinan mereka tidak melaksanakan amalan tersebut kerana ibubapa mereka telah meninggal dunia atau pendapatan tidak mencukupi. Andainya keengganan mereka disengajakan dan tanpa sebarang alasan yang munasabah menurut pandangan syarak, tindakan yang dilakukan oleh segelintir belia muallaf tersebut cukup untuk dijadikan hujah pihak-pihak yang tidak gemar kepada ajaran Islam atau menghalang pertukaran agama dalam masyarakat *non-Muslim*.

KESIMPULAN

Kajian ringkas mengenai pengetahuan, sikap dan amalan belia muallaf berkaitan kewajipan memberi nafkah kepada ibubapa *non-Muslim* menunjukkan majoriti muallaf berpegang dengan ajaran Islam dalam isu berkaitan kewajipan memberi nafkah kepada ibubapa *non-muslim*. Usaha memantapkan kesedaran perlu diteruskan khususnya oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pendidikan muallaf di Malaysia.

RUJUKAN

- Al-Kasanie, Abu Bakar.1986. Badaie' al-Sanaie' fi Tartib al-Syaraie' fi Tartib al-Syaraie'. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jil. 4, hal. 36. Ibn Mufleh, Shamsuddin. 2003. al-Furu' wa Tashih al-Furu'. Beirut: Muassasah al-Risalah. Jil. 9, hal. 321. Ibnu Nujaim, Zainuddin bin Ibrahim. t.th. al-Bahr al-Raeq Syarh Kanz al-Daqaeq. Beirut: Dar al-Kutub al-Islami. Jil. 4, hal.226. al-Khatib al-Syarbini. 1994. Mughni al-Muhtaj ila Makrifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jil. 5, hal. 184. al-Andalusi,Ibn al-Hazm.t.th. al-Muhalla. Beirut: Dar al-Fikr. Jil. 9, hal. 268. al-Dasuqi, Muhammad bin Ahmad.t.th. Hasyiah al-Dasuqi 'ala al-Syarh al-Kabir. Beirut: Dar al-Fikr.. Jil. 2, hal. 522.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf. 1392. Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi. Beirut; Dar al-Ihya. Jil. 7, hal.45.

Al-Quran, Surah al-Isra' 17:23.

Al-Quran, Surah al-Ra'd 13:11.

Al-Quran, Surah Lukman 31:15.

Confusius. 1994. Lun Yu: Perbicaraan Confusius/ Penterj: Obaidellah Hj. Mohamad. KL: DBP. Hal. 3.

Chua Yan Piaw.2006. Kaedah Penyelidikan. Malaysia: Mc Graw Hill Education, Malaysia Sdn. Bhd.

<https://www.bible.com/bible/402/eph.6.bm>

Ibn kathir. Tafsir Al-Quran al-Azim. Jil. 3, hal.361.

Ibn Qudamah.1968. al-Mughni. Maktabah al-Qaherah. Jil. 8, hal. 214. Ibn Mufleh, Buhanuddin.1997. al-Mubdie' fi Syarh al-Muqnie'.Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jil. 7, hal. 172

Ibn Qudamah. al-Mughni. Jil. 2, hal.492. al-Bahuti.t.th. Kashaf al-Qina 'an Matan al-Iqna'. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jil. 2, hal.298.

James P. Ongkili. 1972. Pre-Western Brunei, Sarawak and Sabah. Dalam The Sarawak Museum Journal. Vol. XX (40-41).

Muhiddin Yusin. 1990. Islam di Sabah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suraya Sintang. 2005. Sejarah Perkembangan Mualaf Di Sabah : Peranan Dan Sumbangan USIA (United Sabah Islamic Association). Jurnal al-Tamaddun, Universiti Malaya. Volume 1, Isu 1.

Profil Penulis:

Sarip bin Abdul

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

Universiti Malaysia Sabah

Beg Berkunci 2073

88999 Kota Kinabalu

Sabah

Hasnan Bin Kasan, PhD

Pusat Citra UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor

Amir Husin Bin Mohd Nor

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor